

## **Orang Melayu kena contohi orang Cina**

**Free Malaysia Today**

**31 March 2014**

**Oleh FMT Staff**

KUALA LUMPUR: Orang Melayu kena contohi orang Cina yang terus mendaftar anak mereka sebagai pengundi apabila genap usia 21 tahun.

Menurut Ketua Penerangan Umno, Datuk Ahmad Maslan, daftar pengundi Cina pada masa inilebih tinggi iaitu 32 peratus walaupun mereka merupakan 24.7 peratus daripada keseluruhan penduduk.

“Adalah penting untuk mendaftar semua pengundi Melayu yang layak kerana pada masa ini cuma 60 peratus yang berdaftar walaupun orang Melayu membentuk 68 peratus daripada penduduk negara ini,” katanya ketika berucap dalam Majlis Penutup Konvensyen Umno Bahagian Batu di sini semalam.

Katanya, jika BN mahu kekalkan kuasa, orang Melayu kena ubah sikap terus mendaftar anak mereka sebagai pengundi bila genap umur 21 tahun.

“Baki lapan peratus yang sepatutnya diisi orang Melayu itu telah beralih kepada kaum Cina kerana sebaik sahaja layak mengundi pada umur 21 tahun, mereka terus daftar,” katanya

Dalam pada itu, Ahmad menambah, Umno juga perlu mengambil tanggungjawab menyatukan seluruh orang Melayu terutama golongan yang berada di atas pagar agar mereka menyokong kerajaan tetapi langkah tersebut perlu dimulakan dari dalam parti terlebih dahulu.

Jelasnya, walaupun perkara itu bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan berikutan orang Melayu kini sudah berpecah kepada beberapa parti, Umno tidak boleh berputus asa kerana keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) telah memberi pengajaran cukup berguna.

“Orang Melayu dan bumiputera selaku kaum majoriti juga mesti terus dibantu terutamanya dari segi bantuan modal perniagaan dan pendidikan kerana kita masih ketinggalan dalam banyak aspek berbanding kaum lain. Tanggungjawab ini perlu berterusan dan jangan bermusim,” katanya.

Menyentuh mengenai usaha menawan kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang kini menjadi milik pembangkang, beliau berkata, BN perlu menjaga kubu sendiri terlebih dahulu sebelum merampas satu persatu kerusi di bawah pembangkang

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kewangan berkata, keyakinan untuk menawan kerusi pembangkang adalah tinggi kerana sokongan pengundi terhadap BN meningkat dalam empat pilihan raya kecil di Sungai Limau, Kedah; Kuala Besut, Terengganu; Kajang, Selangor dan Balingian, Sarawak.

“Kuala Besut dan Balingian kita menang dengan majoriti lebih besar. Di Sungai Limau dan Kajang walaupun kalah, BN berjaya menurunkan undi majoriti pembangkang manakala undi kita

meningkat, menunjukkan sokongan rakyat bertambah hanya dalam beberapa bulan sahaja,”  
ujarnya.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/31/orang-melayu-kena-contohi-orang-cina/>